

BERITA ONLINE
ASTRO AWANI
TARIKH: 15 DISEMBER 2022 (KHAMIS)



Penyelidik Malaysia menang Anugerah STI di Korea Selatan

Bernama
Disember 15, 2022 05:32 MYT



Annie Chai (kanan) dianugerahkan hadiah wang tunai US\$12,000 dan dijemput menghadiri Program Latihan STI ASEAN-ROK selama seminggu di Seoul. - Foto Facebook ASEAN

PUTRAJAYA: Saintis Kanan di Pusat Penyelidikan Kanser Malaysia Dr Annie Chai Wai Yeeng memenangi kategori Next ASEAN Innovator pada Anugerah Kecemerlangan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) ASEAN-ROK Ke-4 2022 di Seoul, Korea Selatan baru-baru ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam kenyataan semalam memaklumkan kejayaan itu berdasarkan penyelidikan Chai dalam mengenal pasti gabungan ubat sinergistik dalam model kanser Asia yang unik menerusi pengaplikasian pembelajaran mesin.

Advertisement

Pengaplikasian pembelajaran mesin itu bagi kaedah pengiraan dalam ramalan gabungan ubat sinergistik menggunakan gabungan skrin penting CRISPR/Cas9, genomik dan data pemeriksaan ubat, terutamanya bagi kanser kepala dan leher (HNC) yang berasal dari Asia.

"Beliau dianugerahkan hadiah wang tunai US\$12,000 (kira-kira RM52,600) dan dijemput menghadiri Program Latihan STI ASEAN-ROK selama seminggu bermula 27 Nov hingga 3 Dis lepas di Seoul, Korea Selatan serta diberi peluang membentangkan dan berkongsi hasil kerja beliau.

"Anugerah tersebut telah diserahkan secara rasmi oleh Kerajaan Republik Korea (ROK) melalui Kementerian Sains dan ICT (MSIT), ROK dan Science and Technology Policy Institute (STEPI) pada 1 Dis," menurut kenyataan itu.

Anugerah berkenaan yang dikelolakan kerajaan Korea Selatan melalui MSIT dengan sokongan STEPI dan ASEAN itu bertujuan menggalakkan penglibatan saintis dan jurutera muda dalam penyelidikan sains, teknologi dan inovasi (STI) serta mengiktiraf pencapaian akademik dan profesional para saintis serta jurutera dalam kalangan warga ASEAN.

Menurut MOSTI ini adalah kali kedua penyelidik Malaysia memenangi anugerah itu selepas Dr Nur Hafizah Abd Khalid memenanginya pada 2020 pada edisi kedua anugerah tersebut.

"Pencapaian ini diharap dapat menjadi sumber inspirasi dan motivasi bagi menyemarakkan lagi minat dalam kalangan institusi penyelidikan dan penyelidik negara untuk berusaha ke arah penyelesaian yang inovatif dalam menghadapi cabaran semasa dan masa hadapan dengan memanfaatkan STI," katanya.

-- BERNAMA